



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

SIARAN MEDIA

NRES LANCAR KEMPEN HINDARI PLASTIK SEKALI GUNA, SASAR TIADA PENGGUNAAN BEG PLASTIK JINJIT SEKALI GUNA

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melancarkan Kempen Hindari Plastik Sekali Guna Sempena Prapelancaran Inisiatif Bumi Sihat yang bertemakan “Bijak Plastik, Selamat Bumi”, bagi menjadikan amalan hijau sebagai budaya seharian, bermula dari rumah hingga ke kawasan awam.

Menterinya, Dato’ Sri Arthur Joseph Kurup berkata, kempen ini menyokong agenda nasional “tiada lagi penggunaan beg plastik jinjit sekali guna” mulai 1 Januari 2026 secara berfasa mengikut ketersediaan negeri-negeri sekaligus mengurangkan pencemaran sisa plastik yang kini merupakan sisa kedua tertinggi selepas sisa makanan.

Katanya, penekanan diberikan kepada aspek pengurangan sisa plastik serta menerapkan pendekatan ekonomi kitaran dan kitar semula di Malaysia.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan kempen tersebut di Pasar Tamu Sook, Pensiangan, Sabah, hari ini.

Turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Kelestarian Alam), Datuk Nor Yahati binti Awang.

Menurut Arthur, inisiatif ‘Bumi Sihat’ turut diperkenalkan dengan berteraskan dua (2) tonggak utama iaitu ‘Bersih’ dan ‘Lestari’.

“Tonggak ‘Bersih’ menekankan penjagaan khazanah alam seperti sungai dan hutan daripada pencemaran, manakala ‘Lestari’ memfokuskan kepada pembinaan daya tahan alam untuk dinikmati generasi akan datang,” katanya lagi.

Kempen ini akan diperhebatkan dengan aktiviti turun padang oleh Skuad NRES Lestari, ke setiap lima (5) zon di lokasi tumpuan orang ramai bagi menggalakkan penggunaan beg guna semula dalam kalangan masyarakat.

Skuad NRES Lestari merupakan ejen perubahan yang terdiri daripada warga NRES, rakan strategik dan komuniti untuk menyebarkan agenda kempen selain mempromosikan kempen-kempen lain di bawah NRES.

Kempen Hindari Plastik Sekali Guna merupakan antara KPI 100 Hari Menteri untuk memperkasa agenda kelestarian alam negara.

Pada program ini juga, YB Menteri turut menyampaikan bantuan dan sumbangan kepada 36 buah masjid dan surau di kawasan Parlimen Pensiangan.

Sumbangan ini diharapkan dapat membantu masjid dan surau untuk melaksanakan program pengimarahannya sepanjang tahun 2026. Beliau turut menyampaikan sumbangan kepada 200 penduduk kurang berkemampuan sebagai persediaan menyambut Hari Raya yang bakal tiba.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES) 6 MAC 2026



Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

 nresmalaysia